


Jilid 1
Bil. 73



Hari Jumaat
23hb Oktober, 1987

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 12209]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 12240]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAPAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAPIDAH Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar,
DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P.
(Gerik).

Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE,
D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN
MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING,
A.M.N. (Lipis).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA
BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK
WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N.,
P.I.S. (Senai).

Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P
(Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM
(Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY
(Silam).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN
LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S., (Sarikei).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH
ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI,
S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN
RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah,
DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD
(Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH
FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL
GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN
BIN MOHAMED (Titiwangsa).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Waiayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- ,, TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- ,, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ,, DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- ,, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ,, TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- ,, TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- ,, TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- ,, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ,, DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- ,, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- ,, TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- ,, DATO DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

DR CHEN MAN HIN (Seremban).

TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).

TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

DR V. DAVID (Puchung).

TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HASHIM BIN SAEIN *alias* SHAKAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).

TUAN Hu SEPANG (Rasah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

TUAN JAWAN ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JIMBUN ANAK PUNGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA,
P.B.S. (Kapit).

TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

12199

23 OKTOBER 1987

12200

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

- TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
,, TUAN LIEW AH KIM (Seputeh),
DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* Paul Pansai (Kota Belud).
TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K, (Maran).
DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
,, TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N, (Kuala Kedah).
,, TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
,, TUAN KIOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
,, TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
,, TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
,, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., PJ.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).

12203

23 OKTOBER 1987

12204

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- ,, TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasar Puteh).
- ,, DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAPIE (Tambun).
- ,, PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ,, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik),
- ,, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ,, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- ,, TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 23hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

4.00ptg.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu" dibacakan pada kali yang kedua.

PENDAHULUAN

Semenjak beberapa tahun yang lalu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memperkuatkan ekonomi negara. Usaha-usaha ini telah pun mula menunjukkan hasil. Kenaikan dalam perbelanjaan awam dapat dibendung. Akaun semasa imbalan pembayaran telah mencatatkan lebih setelah beberapa tahun mengalami defisit. Rizab luar negeri berada pada paras yang tinggi dan nilai ringgit stabil. Tetapi masalah-masalah asas ekonomi masih lagi wujud dan usaha-usaha perlu diteruskan untuk mengukuhkan ekonomi negara. Kadar pertumbuhan

ekonomi kita belum lagi memuaskan. Keadaan pengangguran adalah membimbangkan. Kedudukan kewangan Kerajaan juga masih lemah. Sungguhpun keadaan ekonomi telah mula pulih, semua pihak perlu terus berusaha dengan gigih untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Adalah penting bagi sektor swasta merebut peluang-peluang pengeluaran dan pelaburan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran. Sekiranya kita tidak melipatgandakan azam dan usaha, kita akan terus menghadapi pertumbuhan ekonomi yang perlahan, lebih-lebih lagi memandangkan perkembangan ekonomi antarabangsa tidak begitu menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun terdapat prospek pemulihan ekonomi di negara-negara perindustrian, perkembangan ekonomi negara-negara berkenaan dijangka sederhana sahaja. Setelah mengalami pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus dalam tahun 1987, pengeluaran sebenar di negara-negara perindustrian dijangka naik sedikit iaitu pada kadar 2.6 peratus pada tahun 1988. Kadar inflasi pula dijangka terus berada pada paras yang rendah.

Pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian yang perlahan akan menimbulkan kesuitan kepada negara-negara membangun. Kadar faedah yang meningkat baru-baru ini, dan tekanan perlindungan di negara-negara perindustrian, juga akan menyulitkan masalah negara-negara

membangun, terutamanya, negara-negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa ataupun yang mempunyai hutang luar negeri yang besar. Malaysia, seperti juga negara-negara lain memandang berat langkah-langkah perlindungan perdagangan yang kian ketara, terutamanya di Amerika Syarikat. Kerajaan akan mengawasi dengan rapi, tindakan-tindakan perlindungan dan akan terus mengemukakan bantahan yang keras kepada pihak-pihak berkenaan, memandangkan implikasinya yang serius ke atas perdagangan dan pertumbuhan ekonomi negara.

EKONOMI MALAYSIA

Mengenai ekonomi Malaysia, sukacita saya menyatakan bahawa dengan peningkatan harga-harga barang dan permintaan yang kukuh terhadap eksport keluaran pertanian dan pembuatan, kedudukan dagangan kita telah bertambah baik.

Harga-harga barang utama telah meningkat. Harga getah mencapai paras tertinggi dalam tempoh tujuh tahun dan dijangka berada di paras yang memuaskan untuk beberapa waktu. Harga petroleum mentah telah naik kepada AS\$18 setong. Namun demikian, pasaran petroleum masih tidak menentu. Kita berharap harga petroleum akan stabil pada paras kira-kira AS\$18 setong. Oleh kerana harga barang adalah menggalakkan, nilai eksport barang dijangka meningkat \$2 ribu juta, dari \$21 ribu juta pada tahun 1986 kepada \$23 ribu juta dalam tahun 1987. Sektor eksport juga semakin mantap disebabkan oleh prestasi eksport barang-barang pembuatan yang menggalakkan, khususnya tekstil, barang-barang elektrik dan elektronik, kasut serta keluaran berdasarkan getah dan kayu.

Imbangan pembayaran semakin kukuh. Ini adalah disebabkan oleh pendapatan eksport yang bertambah

baik dan pertumbuhan import yang sederhana. Dalam tahun ini, akaun semasa dijangka mencatat lebihan \$2 ribu juta, berbanding dengan defisit sebanyak \$770 juta pada tahun 1986. Ini merupakan kali pertama akaun semasa mencatatkan iebihan semenjak tahun 1979. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa salah satu daripada objektif utama dasar ekonomi kita ialah untuk mengatasi defisit akaun semasa. Saya merasa sukacita, bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan telah menyumbangkan kepada pemulihan dalam akaun tersebut.

Hasil daripada keadaan yang bertambah baik, nilai ringgit stabil dan rizab luar negeri dijangka terus kukuh.

Memandangkan paras rizab yang tinggi, Kerajaan telah mengambil peluang untuk membayar lebih awal pinjaman luar negeri. Lebih banyak kita membuat bayaran awal pinjaman yang diperolehi ketika kadar faedah tinggi, lebih banyak dapat kita menjimatkan kos khidmat bayaran hutang. Dengan bayaran awal ini hzab luar negeri akan berjumlah \$17 ribu juta pada akhir tahun 1987. Jika pinjaman tersebut tidak dibayar lebih awal, rizab luar negeri akan meningkat kepada \$20 ribu juta pada akhir tahun ini. Kerajaan bercadang membuat bayaran awal pinjaman luar negeri sebanyak \$2.4 ribu juta dalam tahun 1987. Oleh itu hutang luar negeri kita dijangka berkurangan kepada \$49.2 ribu juta pada akhir tahun 1987.

Kita menjangkakan pertumbuhan KDNK sebanyak 2 peratus dalam tahun 1987 berbanding dengan 1.2 peratus pada tahun 1986. Inflasi adalah terkawal dan dijangka berada pada paras lebih kurang 1.5 peratus dalam tahun 1987. Walau bagaimanapun, perkembangan yang membimbangkan kita sekarang ialah pengangguran yang semakin meningkat. Kadar pengangguran dalam tahun ini

dijangka melebihi 9 peratus. Ini disebabkan oleh kadar mewujudkan peluang pekerjaan yang perlahan akibat daripada perkembangan ekonomi yang sederhana dan prestasi sektor swasta yang lembap.

KEDUDUKAN KEWANGAN SEKTOR AWAM

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan tahun 1987, saya telah menganggarkan defisit akaun semasa Kerajaan Persekutuan sebanyak \$2.7 ribu juta untuk tahun ini. Oleh kerana kutipan hasil, terutamanya cukai pendapatan syarikat, telah jatuh dengan lebih besar daripada yang dijangkakan, defisit ini dianggarkan meningkat kepada \$3.5 ribu juta. Oleh itu, defisit dalam akaun semasa tidak dapat dielakkan walaupun perbelanjaan pengurusan dikawal dengan rapi.

Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada \$9.7 ribu juta atau 14 peratus daripada KNK berbanding dengan 11.4 peratus daripada KNK pada tahun 1986. Ini adalah disebabkan oleh defisit yang besar dalam akaun semasa yang saya nyatakan tadi. Perbelanjaan pembangunan sektor awam, termasuk Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri, serta Perusahaan Awam Bukan Kewangan dijangka dibendung pada paras \$11.6 ribu juta. Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak \$638 juta berbanding dengan tahun 1986. Defisit keseluruhan sektor awam dijangka meningkat kepada 17.7 peratus daripada KNK, iaitu lebih tinggi daripada defisit sebanyak 14.2 peratus pada tahun 1986.

Oleh itu, kedudukan kewangan sektor awam terus merupakan satu masalah yang memerlukan perhatian yang rapi. Jurang yang besar di antara hasil dan perbelanjaan tidak harus dibiarkan berterusan. Saya sedar tentang beberapa rayuan kepada

Kerajaan untuk menambah perbelanjaan demi membantu memusatkan kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun kita tidak dapat menerima sepenuhnya segala rayuan ini memandangkan kedudukan kewangan sektor awam masih lagi genting. Pertambahan perbelanjaan yang besar akan menyulitkan lagi kewangan awam, meningkatkan paras hutang yang sedia ada dan menjaskan kepercayaan awam dan antarabangsa terhadap pengurusan ekonomi negara.

STRATEGI BELANJAWAN 1988

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa, strategi Belanjawan 1988 adalah bertujuan untuk:

- (i) mengukuhkan proses pemulihan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan;
- (ii) meningkatkan kecekapan industri; dan
- (iii) memperbaiki kewangan sektor awam.

MENGUKUHKAN PEMULIHAN EKONOMI

Prospek Ekonomi

Walaupun pertumbuhan sebenar ekonomi adalah positif, kita tidak boleh berpuashati dengan kadar pertumbuhan sekarang. Kadar pertumbuhan sebanyak 1.2 peratus pada tahun 1986 dan 2 peratus dalam tahun 1987 adalah tidak memadai untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi tenaga buruh yang makin bertambah. Pada setiap tahun, lebih kurang 170,000 orang memasuki pasaran buruh. Pengangguran hanya dapat dikurangkan sekiranya ekonomi negara mencapai pertumbuhan yang lebih pesat.

Usaha-usaha untuk mengukuhkan pemulihan ekonomi akan terus diberi perhatian utama oleh Kerajaan. Beberapa kumpulan dan individu telah menggesa Kerajaan mengambil beberapa langkah tertentu untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas segala cadangan dan nasihat daripada semua pihak termasuklah Pemuda dan Wanita UMNO dan lain-lain parti dalam Barisan Nasional serta pertubuhan-pertubuhan dan para individu. Minat yang ditunjukkan oleh rakyat mengenai isu-isu ekonomi dan kesediaan mereka untuk menyumbangkan idea dan pandangan adalah dihargai. Setakat mana yang boleh, Kerajaan telah mengambilkira cadangan-cadangan tersebut dalam Belanjawan ini. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan mengamalkan sikap terbuka dan peka terhadap pandangan setiap golongan rakyat.

Bagi membantu pemulihan ekonomi, pengeluaran petroleum akan ditingkatkan kepada 540,000 tong sehari pada tahun 1988. Peningkatan dalam pengeluaran petroleum dan prestasi yang lebih baik dalam sektor-sektor lain, akan meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 4 peratus dalam tahun 1988. Kadar inflasi dijangka berada pada paras yang rendah. Oleh kerana harga eksport dijangka menggalakkan, nilai eksport akan meningkat sebanyak 9.3 peratus. Dengan itu Keluaran Negara Kasar (KNK) pada harga semasa dalam tahun 1988 dianggarakan meningkat 3.5 peratus. Secara keseluruhannya, rakyat Malaysia akan menikmati pertambahan pendapatan pada tahun 1987, selepas mengalami kejatuhan pendapatan selama dua tahun berturut-turut. Ini akan membawa kepada perkembangan dalam permintaan dalam negeri dan seterusnya menggalakkan sektor

swasta meningkatkan pengeluaran dan pelaburan mereka.

Akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang besar sebanyak hampir \$2 ribu juta, iaitu lebih kurang 3 peratus daripada KNK. Oleh yang demikian, rizab luar negeri akan terus berada pada paras yang tinggi pada tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, prospek untuk mewujudkan peluang pekerjaan adalah tidak menggalakkan. Pengangguran dijangka meningkat kepada 9.4 peratus pada tahun 1988. Kerajaan memandang berat masalah ini, dan akan terus melaksanakan beberapa skim dan projek-projek untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Memandangkan kadar pengangguran yang tinggi, Kerajaan berazam menyegerakan pelaksanaan projek-projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa II, bekalan air luar bandar dan penswastaan Lebuhraya Utara Selatan. Pelaksanaan projek-projek ini akan memberi kesan sampingan yang berlipatganda ke atas ekonomi negara, terutama sekali dalam menggalakkan aktiviti pembinaan yang mempunyai potensi yang besar bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Pihak-pihak tertentu juga akan terus mengetarkan lesen-lesen, menyediakan kemudahan pinjaman dan tempat niaga kepada peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil, membuka tanah untuk pertanian secara komersial, dan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Saya suka meminta Kerajaan-kerajaan Negeri memberi kerjasama mereka dalam perkara ini.

Seperti yang ditegaskan beberapa kali, Kerajaan tidak lagi mampu menjadi majikan yang menyediakan paling banyak peluang pekerjaan. Mereka yang baru memasuki pasaran buruh, termasuk siswazah, mestilah

bersedia mencari pekerjaan dalam sektor swasta. Sekolah dan institusi-institusi latihan kita mestilah mengajar para belia menjadi lebih berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada Kerajaan.

PELABURAN AWAM

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kedudukan kewangan Kerajaan masih menghadapi kesulitan, Kerajaan telah menambah peruntukan perbelanjaan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$2 ribu juta, memandangkan kepada keperluan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Ini adalah selaras dengan cadangan-cadangan yang dibuat oleh beberapa pihak untuk menambah perbelanjaan pembangunan. Sejumlah \$750 juta daripada tambahan ini adalah diperuntukkan dalam tahun 1988. Projek-projek yang akan dilaksanakan bagi menggunakan peruntukan tambahan ini telah dipilih dengan teliti bagi memastikan ia benar-benar dapat memberi sumbangan kepada pemulihian ekonomi.

Daripada tambahan \$2 ribu juta ini, sebanyak \$364 juta akan dibelanjakan untuk membina dan membaiki infrastruktur di luar bandar, \$483 juta untuk projek-projek pertanian dan pembangunan wilayah dan \$210 juta untuk pembinaan kemudahan pendidikan termasuklah sekolah, hostel dan kampus universiti.

PERUNTUKAN BAGI TAHUN 1988

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Strategi Belanjawan tahun 1988, saya mencadangkan sejumlah \$28,121 juta diperuntukkan bagi anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada \$21,236 juta bagi perbelanjaan mengurus dan \$6,885 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

PERBELANJAAN MENGURUS

Peruntukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 1988 bertambah sebanyak \$497 juta atau kira-kira 2.4 peratus lebih tinggi daripada peruntukan tahun 1987. Tambahan ini termasuk \$136 juta atau 1.7 peratus bagi kenaikan biasa Gaji dan \$227 juta bagi pemberian dan bayaran tetap, termasuk kenaikan dalam bayaran Pencen sebanyak \$44 juta, menjadikan bayaran pencen sebanyak \$890 juta dalam tahun 1988.

Sebahagian besar daripada peruntukan di bawah perbelanjaan mengurus ialah bagi pendidikan dan kesihatan. Sebanyak \$5.2 ribu juta atau 24 peratus dahpada jumlah perbelanjaan mengurus disediakan bagi kedua-dua sektor tersebut. Dari jumlah ini, \$4.1 ribu juta adalah diperuntukkan bagi Pendidikan dan \$1.1 ribu juta untuk Kesihatan. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang sewajarnya untuk Kementerian Pertahanan dan Polis Di Raja yang berjumlah \$3.1 ribu juta atau kira-kira 14 peratus dari jumlah perbelanjaan mengurus.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Peruntukan sebanyak \$6,885 juta untuk perbelanjaan pembangunan terdiri daripada \$4.1 ribu juta atau 59.6 peratus untuk Sektor Ekonomi, \$1.6 ribu juta atau 22.9 peratus untuk Sektor Sosial, \$507 juta atau 7.4 peratus untuk Sektor Keselamatan dan \$199 juta atau 2.9 peratus untuk Sektor Perkhidmatan Am.

Selaras dengan objektif membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar di mana kemiskinan adalah ketara. Peruntukan sebanyak \$4.2 ribu juta atau kira-kira dua pertiga dari perbelanjaan pembangunan tahun 1988 disediakan bagi tujuan ini.

SEKTOR PERTANIAN

Sektor pertanian terus diberi bantuan dan perhatian sewajarnya oleh Kerajaan memandangkan kepada sumbangannya yang penting kepada ekonomi negara. Sejumlah \$1.4 ribu juta atau 21 peratus daripada perbelanjaan pembangunan tahun 1988 telah diperuntukkan bagi pembangunan tanah dan pembangunan wilayah. Pembangunan Pertanian Bersepadu, subsidi baja padi dan khidmat-khidmat sokongan.

Program-program pembukaan kawasan-kawasan tanah baru, pemulihan kawasan-kawasan tanah terbiar untuk tanaman-tanaman kekal seperti getah, kelapa sawit dan koko akan diteruskan. Sejumlah \$512 juta diperuntukkan kepada PELDA, RISDA dan FELCRA untuk tujuan tersebut. Pihak-pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah seperti KESEDAR, KEJORA, KETENGAH, KEDA, PERDA, JENGKA dan DARA diperuntukkan sejumlah \$116 juta bagi membiayai program-program dan projek-projek untuk membasmi kemiskinan dan memperkembangkan pusat-pusat pertumbuhan yang sedia ada, supaya jurang perbezaan di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar dapat dikurangkan.

SEKTOR PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

Sejumlah \$870 juta akan disediakan bagi mengukuhkan asas ekonomi bagi sektor perdagangan dan perindustrian. Dari jumlah tersebut, \$329 juta disediakan untuk Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM). Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan melalui pelbagai agensi Kerajaan bagi mencapai objektif penyusunan semula masyarakat dalam Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian sejumlah \$64 juta diperuntukkan kepada PERNAS, \$52 juta kepada Perbadanan-perbadanan

Kemajuan Negeri dan \$28 juta kepada MARA. Peruntukan sebanyak \$43 juta disediakan untuk Bank Pembangunan Malaysia dan MIDF, bagi membiayai projek-projek industri kecil.

MEMBANGUNKAN INDUSTRI-INDUSTRI KECIL

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan memberi keutamaan untuk membangunkan industri-industri kecil memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh industri-industri ini dalam menambahkan peluang pekerjaan. Buat masa ini galakan utama diberikan kepada pengeluaran barang-barang komponen. Industri-industri kereta motor, kejuruteraan ringan, elektrik, elektronik, getah dan plastik akan dijadikan tumpuan utama di dalam pengeluaran barang-barang komponen.

Untuk memajukan lagi pembangunan industri kecil, Kerajaan telah menujuhkan satu sistem maklumat bagi mengumpul data berkaitan dengan perusahaan ini. Sehingga sekarang, maklumat ke atas 1,600 buah perusahaan kecil telah dimasukkan dalam sistem tersebut. Sistem maklumat ini akan digunakan bagi mengenalpasti industri-industri kecil yang memerlukan bantuan untuk memperbaiki pengurusan dan pengeluaran mereka dan juga untuk mengenalpasti industri-industri yang mempunyai potensi eksport. Di samping membantu industri-industri kecil mendapat pasaran tempatan, bantuan akan juga diberi untuk membolehkan mereka menerokai pasaran di luar negeri.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Skim Pinjaman Khas yang diuruskan oleh Perbadanan Jaminan Kredit, para peniaga kecil dan penjaja boleh mendapat pinjaman setakat \$2,000 dengan kadar faedah yang rendah dengan syarat mereka mempunyai

modal tidak lebih daripada \$5,000. Memandangkan bahawa sambutan kepada skim ini kurang menggalakkan, dan setelah mengambilkira rayuan-rayuan yang dibuat oleh persatuan peniaga-peniaga kecil dan penjaja, saya telah mengambil keputusan untuk menaikkan had pinjaman kepada \$3,000. Dalam kes-kes yang tertentu, pinjaman ini boleh dinaikkan kepada \$5,000. Untuk membantu ramai lagi para peniaga, mereka yang mempunyai modal kurang dari \$10,000, akan layak mendapat kemudahan pinjaman di bawah skim ini.

SEKTOR PENGANGKUTAN

Tuan Yang di-Pertua, sektor pengangkutan adalah penting bagi pembangunan ekonomi. Oleh itu, sejumlah \$1.1 ribu juta, atau 15.5 peratus daripada jumlah anggaran pembangunan adalah diperuntukkan bagi program dan projek-projek di bawah sektor ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$884 juta diperuntukkan untuk pembinaan jalan dan jambatan, termasuk \$98 juta untuk program jalan luar bandar dan \$135 juta bagi pembelian 26 buah lokomotif, membaiki beberapa bahagian landasan keretapi dan meningkatkan kemudahan lapangan terbang.

KEMUDAHAN AWAM

Kerajaan akan terus menambah serta memperbaiki lagi kemudahan awam dalam tahun 1988 supaya dapat membantu pembangunan sosial dan ekonomi negara. Untuk tujuan ini, sebanyak \$690 juta diperuntukkan bagi bekalan air dan elektrik. Daripada jumlah tersebut, \$568 juta ialah untuk program bekalan air, termasuk \$315 juta untuk program bekalan air luar bandar. Baki sebanyak \$122 juta ialah untuk bekalan elektrik, yang mana sebanyak \$99 juta ialah untuk program bekalan elektrik luar bandar.

PENDIDIKAN

Bagi sektor pendidikan, sejumlah \$1.2 ribu juta akan diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang lebih baik, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Keutamaan akan terus diberikan kepada program-program Pendidikan Rendah dan Menengah. Selaras dengan keutamaan ini, sebanyak \$209 juta disediakan untuk membina 7,700 bilik darjah di bawah program Pendidikan Rendah dan sebanyak \$201 juta bagi pembinaan 5,500 bilik darjah, makmal-makmal dan kemudahan-kemudahan lain di bawah program Pendidikan Menengah.

Bagi menampung keperluan tenaga kerja mahir, sebanyak \$138 juta akan disediakan di bawah program Pendidikan Teknik dan Vokasional. Sejumlah \$206 juta disediakan di bawah program Pendidikan Tinggi bagi menampung permintaan yang bertambah, bagi tempat belajar di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan.

KESIHATAN

Kerajaan akan terus menambah dan memperbaiki kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kesihatan terutama untuk penduduk luar bandar. Sebanyak \$126 juta diperuntukkan bagi tujuan ini. Dengan peruntukan ini, bilangan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa akan ditambah untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik. Di samping itu, Kerajaan akan terus memperbaiki perkhidmatan di hospital-hospital daerah dan hospital-hospital besar.

SEKTOR KESELAMATAN

Sektor keselamatan diperuntukkan \$507 juta, yang terdiri daripada \$203 juta bagi Pertahanan, dan \$304 juta bagi Keselamatan Dalam Negeri. Sebahagian besar daripada peruntukan

ini adalah untuk keperluan perumahan anggota-anggota Polis dan Tentera. Peruntukan akan juga disediakan untuk memusatkan usaha-usaha mencegah penyeludupan dan menghalang kemasukan dadah secara haram ke negara ini. Walaupun Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi Pertahanan dan Keselamatan negara, Kerajaan yakin bahawa keupayaan dan kemampuan Angkatan Tentera dan Pasukan Polis kita tidak akan terjejas.

PELABURAN SWASTA

Pada tahun ini, pelaburan swasta sebenar dijangka meningkat sebanyak 1.2 peratus setelah mencatatkan kejatuhan sebanyak 29.7 peratus dalam tahun 1986. Bagi tahun 1988, pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 2.1 peratus. Walaupun kadar pertumbuhan ini adalah rendah, ianya menunjukkan pemulihan dalam keyakinan pelabur-pelabur terhadap ekonomi kita.

Pertumbuhan yang lebih pesat dalam ekonomi memerlukan pelaburan yang lebih besar dari sektor swasta. Untuk menambahkan pelaburan swasta di dalam sektor-sektor pembuatan, pertanian dan pelancungan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki sistem cukai dan lain-lain galakan bagi memperkuuhkan iklim petaburan supaya Malaysia menjadi salah sebuah negara yang paling menarik di rantau ini kepada pelabur tempatan dan luar negeri. Selaras dengan tujuan ini, saya bercadang untuk mengkaji semula struktur cukai syarikat yang ada sekarang.

KAJIAN SEMULA STRUKTUR CUKAI SYARIKAT

Pada masa ini, syarikat-syarikat di Malaysia sama ada syarikat bermastautin ataupun bukan bermastautin adalah tertakluk kepada

cukai pendapatan sebanyak 40 peratus, cukai pembangunan sebanyak 5 peratus dan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 3 peratus. Secara keseluruhannya syarikat-syarikat mungkin dikenakan cukai maksimum berjumlah 48 peratus. Kadar cukai ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan kadar cukai di negara-negara jiran. Memandangkan hakikat ini, Kerajaan sedang meneliti dan mengkaji semula struktur cukai untuk mengurangkan kadar cukai syarikat. Oleh kerana dalam jangka pendek pengurangan cukai akan mengurangkan hasil Kerajaan, maka sebarang pengurangan ke atas cukai syarikat akan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Tetapi dalam jangka panjang pengurangan cukai akan memberi kesan positif ke atas ekonomi negara melalui tambahan dalam pelaburan dan pendapatan.

PENGHAPUSAN CUKAI KEUNTUNGAN BERLEBIHAN SYARIKAT

Sebagai langkah pertama untuk menjadikan kadar cukai syarikat di Malaysia setanding dengan negara-negara lain di rantau ini, saya mencadangkan supaya cukai keuntungan berlebihan sebanyak 3 peratus ke atas syarikat dihapuskan dari tahun taksiran 1988. Adalah dianggarkan bahawa penghapusan cukai ini dari tahun hadapan akan mengurangkan hasil sebanyak kira-kira \$140 juta dalam tahun 1988. Sungguhpun Kerajaan mengalami kehilangan hasil yang besar, tangkah ini diharap dapat menggatakkkan pelaburan baru dan juga pelaburan semula oleh syarikat-syarikat yang ada sekarang.

ELAUN PELABURAN SEMULA

Selaras dengan usaha-usaha untuk menarik pelaburan baru, kita perlu juga menggalakkkan pelaburan semula oleh pelabur-pelabur atau peniaga-peniaga yang sedang menjalankan

perniagaannya di negara ini. Pelabur-pelabur ini lebih memahami kedudukan di negara kita, dan bersedia untuk memperbesarkan projek atau perniagaan sekiranya galakan adalah menarik. Bagi memberi insentif yang lebih kepada mereka berbuat demikian, saya bercadang melanjutkan tempoh kuatkuasa elaun pelaburan semula selama dua tahun lagi, iaitu dari tahun 1988 kepada tahun 1990. Selain dari itu, saya bercadang menaikkan kadar elaun pelaburan semula dari kadar sekarang sebanyak 25 peratus, kepada 40 peratus.

MENAMBAH KECEKAPAN PERINDUSTRIAN

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan terbaru di dalam ekonomi dunia menunjukkan bahawa kita tidak boleh mengharapkan kepada eksport komoditi utama sebagai pendorong yang berkekalan bagi pertumbuhan ekonomi. Untuk mencapai pertumbuhan yang tinggi, kita perlu menyusun semula struktur ekonomi, dan mempelbagaikan lagi asas sektor perindustrian dan pertanian. Kita juga perlu meningkatkan daya persalangan di pasaran dunia. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengadakan strategi-strategi dan rancangan-rancangan jangka panjang bagi membolehkan kita menjadikan negara pengeluar yang cekap, terutama di dalam sektor pembuatan.

Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk menolong industri-industri yang berhasrat menyusun semula, melalui langkah-langkah seperti percantuman, penyatuan atau pembaharuan bagi tujuan menjadikan industri tersebut lebih cekap. Pelan Induk Perindustrian telah mengenalpasti enam kumpulan industri untuk diberi tumpuan utama di dalam proses penyusunan semula industri pembuatan. Untuk membantu

industri ini, Kerajaan sedang mengkaji penubuhan Tabung Penyusunan Industri dengan tabung permulaan berjumlah \$500 juta, untuk menyediakan pinjaman dengan syarat-syarat yang longgar kepada industri-industri berkenaan. Kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja akan menggalakkan industri untuk menyesuaikan dan menyusun semula struktur operasi mereka, tetapi dapat juga mengurangkan kos yang terlibat di dalam proses tersebut. Kerajaan juga bercadang untuk memperluaskan insentif cukai seperti elaun pelaburan semula, elaun susutan dipercepatkan dan pengecualian cukai pemindahan syer dan cukai keuntungan harta tanah yang pada masa sekarang dinikmati oleh sesebuah firma atau syarikat, kepada kumpulan industri ini.

Dalam beberapa tahun yang lepas, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengurangkan kos dan menambahkan kecekapan perniagaan menerusi pengurangan kadar penggunaan beberapa kemudahan awam, mengurangkan kerengah pentadbiran, memperbaiki kemudahan infrastruktur dan memberi pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat yang menyusun semula untuk meningkatkan kecekapan. Di samping itu, satu kajian menyeluruh terhadap undang-undang buruh sedang dijalankan untuk memperbaiki kedudukan persaingan kita. Selaras dengan langkah-langkah Kerajaan bagi menambahkan kecekapan dalam ekonomi negara, usaha-usaha secara berkesan hendaklah juga diambil oleh pihak pengurusan dan pekerja-pekerja untuk memperbaiki kecekapan dan persaingan industri masing-masing.

MEMPERBAIKI KEDUDUKAN KEWANGAN SEKTOR AWAM

Semasa mengemukakan Belanjawan pada tahun lepas, hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1987 teiah

dianggarkan sebanyak \$18,037 juta. Walau bagaimanapun, berdasarkan anggaran terakhir, kutipan hasil bagi tahun ini hanya dijangka mencapai \$17,278 juta. Ini menunjukkan kejatuhan sebanyak 4.2 peratus.

Bagi tahun 1988, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah kepada \$20,834 juta. Perbelanjaan mengurus dianggarkan sebanyak \$21,236 juta. Kedudukan akaun semasa dijangka bertambah baik dan defisit akan berkurangan kepada \$402 juta.

Defisit akaun semasa yang lebih kecil ini adalah disebabkan sebahagiannya oleh langkah-langkah yang diambil untuk menambahkan hasil. Pertama seperti yang saya sebutkan tadi pengeluaran petroleum akan dinaikkan kepada 540,000 tong sehari dalam tahun 1988. Kedua, dividen Petronas kepada Kerajaan akan dikekalkan pada paras \$2 ribu juta dan ketiga, Kerajaan akan menerima dividen yang lebih tinggi dari Bank Negara. Selain dari itu, Kerajaan akan menjual sahamnya dalam Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) kepada Bank Negara Mataysia.

Hasil cukai dari sumber-sumber selain dari minyak dijangka turun dalam tahun 1988. Kejatuhan dalam sumbangan hasil cukai dari sumber-sumber selain dari minyak dalam tahun-tahun kebelakangan ini menggambarkan bukan sahaja pertumbuhan ekonomi yang perlahan, tetapi juga beberapa kebocoran di dalam sistem cukai. Memandangkan hal ini, usaha sedang diambil untuk mengukuhkan sistem cukai dan memperbaiki lagi kutipan cukai. Dalam Belanjawan yang lepas, saya telah mengumumkan beberapa langkah seperti menarik balik taraf pengecualian cukai bagi institusi tertentu, dan mewajibkan skim

potongan bulanan cukai pendapatan bagi pekerja-pekerja. Langkah-langkah setanjutnya perlu diambil untuk mengukuhkan atas hasil.

SKIM BAYARAN ANSURAN CUKAI PENDAPATAN

Pada masa ini, syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga dikehendaki membayar cukai pendapatan dalam masa 30 hari selepas menerima notis taksiran daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun kebanyakan daripada syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga tidak dapat menjelaskan cukai pendapatan mereka dalam jangkamasa yang ditetapkan. Ini menyebabkan bertambahnya tunggakan cukai.

Di dalam Belanjawan 1987, Kerajaan telah mewajibkan pelaksanaan skim potongan bulanan cukai pendapatan ke atas pekerja-pekerja. Pelaksanaan skim ini dijangka mengurangkan tunggakan cukai pendapatan di kalangan pekerja-pekerja yang menerima pendapatan gaji. Sekiranya skim ini diperluaskan kepada syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga, iaanya dapat menolong mencapai tujuan yang sama, di samping dapat menyeragamkan sistem kutipan cukai pendapatan di kalangan pembayar-pembayar cukai. Saya mencadangkan skim bayaran secara ansuran ini diwajibkan kepada semua syarikat dan peniaga. Walau bagaimanapun, untuk meberi mereka kesempatan yang berpatutan membuat penyesuaian dengan skim ini, maka ia hanya akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1989.

Sistem bayaran secara ansuran ini tidak seharusnya menimbulkan sebarang masalah kepada syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga. Pada hakikatnya, pungutan cukai pendapatan bagi sesuatu tahun adalah berdasarkan kepada pendapatan yang diterima bagi tahun sebelumnya. Oleh

itu, syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga sepatutnya telah memperuntukkan sebahagian dari pendapatan yang diterima bagi tahun sebelumnya untuk membayar cukai pendapatan.

MENGURANGKAN KEBOCORAN DALAM SISTEM CUKAI JUALAN

Sebagai tangkah untuk menambah hasil, sistem cukai jualan diperkenalkan di negara ini pada tahun 1972. Ia merupakan cukai seperingkat dan dikenakan atas barang-barang yang diimport atau yang dikilang di dalam negeri. Pada masa sekarang, sebilangan besar barang-barang dan berbagai jenis organisasi adalah dikecualikan daripada cukai jualan. Adalah dianggarkan bahawa kira-kira 75 peratus daripada jumlah barang-barang yang diimport dan dikilang di dalam negeri, dikecualikan daripada cukai jualan. Keadaan ini menyebabkan skop cukai jualan menjadi terlalu sempit dan kurang berkesan sebagai sumber hasil. Oleh itu, saya bercadang membuat dua perubahan kepada cukai ini.

Pertama, saya bercadang mengenakan semula cukai ini ke atas beberapa jenis barang. Cukai jualan pada kadar 5 peratus daripada nilai barang adalah dicadangkan ke atas beberapa jenis barang makanan, bahan-bahan binaan serta barang-barang separuh siap, manakala kadar 10 peratus adalah dicadangkan untuk barang-barang lain. Barang-barang ini telah dipilih untuk dikenakan semula cukai jualan setelah dikaji dengan teliti. Pengenaan semula cukai jualan ke atas barang-barang tersebut tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah.

Kedua, saya bercadang memperketatkan lagi pentadbiran cukai jualan, dengan menghadkan kemudahan mendapat bahan-bahan

mentah dan komponen bebas dari cukai kepada pengilang yang mengeluarkan barang-barang yang tertakluk kepada cukai jualan sahaja. Ini akan menentukan bahawa pengilang-pengilang yang dikecualikan daripada bayaran cukai atas barang-barang siap mereka akan membayar cukai atas bahan-bahan mentah dan komponen. Pada masa ini, mereka tidak membayar sebarang cukai jualan. Ini jelas tidak selaras dengan konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat.

Walau bagaimanapun, saya suka menekankan di sini bahawa kedua-dua cadangan ini tidak akan menjasakan daya persaingan pengilang-pengilang yang mengeluarkan barang-barang untuk eksport. Mereka akan mendapat pulangan balik sepenuhnya ke atas cukai jualan yang mungkin telah dibayar ke atas bahan-bahan mentah dan komponen yang digunakan dalam pengeluaran barang-barang tersebut. Kedua-dua cadangan ini juga tidak akan melibatkan pengilang-pengilang kecil yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi \$100,000 kerana mereka akan terus dikecualikan daripada cukai jualan.

Saya ingin juga memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedang dalam proses mengkaji secara menyeluruh sistem cukai jualan di negara ini. Kajian tersebut akan meliputi cara-cara untuk memperluaskan skop cukai jualan dan juga mengenalpasti sistem-sistem cukai yang lain, bagi tujuan memperluaskan asas hasil negara.

PERCUKAIAN KE ATAS SYARIKAT-SYARIKAT INSURANS NYAWA

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan 1987, percukaian ke atas syarikat-syarikat insurans nyawa telah dipinda. Antaranya bayaran komisen telah tidak dibenarkan dipotong daripada pendapatan syarikat. Untuk

memberi masa kepada syarikat-syarikat insurans nyawa membuat penyesuaian dan mengukuhkan kedudukan mereka, langkah ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dari tahun taksiran 1988. Untuk membantu pertumbuhan perniagaan syarikat-syarikat insurans, saya mencadangkan satu potongan khas daripada pendapatan dibenarkan kepada syarikat-syarikat insurans nyawa. Potongan ini adalah bersamaan dengan 2 peratus daripada baki akaun hasil syarikat-syarikat insurans nyawa bagi sesuatu tahun. Potongan khas ini hanya berkuatkuasa apabila komisen yang dibayar tidak lagi dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan bagi sesebuah syarikat insurans nyawa.

MENGURANGKAN PERBELANJAAN

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan saya pada tahun lepas, saya telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan mengimbangkan akaun semasa belanjawan Kerajaan Persekutuan menjelang tahun 1989. Sungguhpun langkah-langkah meningkatkan hasil yang telah saya umumkan itu akan membantu pencapaian objektif tersebut, ianya mestilah disokong oleh usaha-usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengurangkan perbelanjaan, bukan sahaja oleh Kerajaan Persekutuan tetapi juga oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan.

Sejak tahun 1982, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengurangkan perbelanjaan. Pertumbuhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan telah dapat dibendung kepada kurang dari 5 peratus setahun berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 18 peratus dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Pertumbuhan perbelanjaan mengurus ini tidak dapat dielakkan kerana

perbelanjaan tanggungan yang tetap, seperti bayaran gaji dan pence, khidmat bayaran hutang dan pemberian berkanun kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Pembayaran gaji sahaja berjumlah kira-kira 37 peratus daripada perbelanjaan mengurus. Ini adalah satu paras yang tinggi. Yang lebih penting ialah akaun semasa belanjawan Persekutuan masih lagi menghadapi deficit. Walaupun ekonomi tetah mulai pulih dan harga-harga barang utama telah meningkat berbanding dengan tahun 1986, hasil Kerajaan masih lagi belum pulih sepenuhnya untuk membiayai perbelanjaan mengurus. Oleh itu, saya ingin merayu kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam, untuk memahami bahawa dalam keadaan ekonomi sekarang, Kerajaan tidak boleh menaikkan gaji kakitangan sektor awam.

Paras gaji seharusnya mencerminkan keadaan permintaan dan penawaran tenaga buruh. Seperti yang telah saya nyatakan, kadar pengangguran pada masa ini adalah tinggi dan dijangka akan terus meningkat. Tenaga buruh yang berlebihan memberi kesan ke atas semua jenis dan peringkat gunatenaga, termasuk mereka yang mempunyai kelulusan universiti, sehingga hal kepada mereka yang tidak mempunyai kelulusan ataupun kemahiran. Memandangkan keadaan ini, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengurangkan paras gaji bagi kakitangan yang baru diambil. Jika gaji permulaan dikurangkan, lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Adalah lebih baik mendapat gaji yang rendah daripada tidak mempunyai pekerjaan. Ini sudah pasti dapat membantu mengurangkan pengangguran. Langkah ini, serta cadangan untuk meminda undang-undang buruh dijangka dapat membantu mengurangkan kos dalam

ekonomi dan seterusnya meningkatkan daya saingan kita.

Salah satu cara untuk mengurangkan lagi perbelanjaan Kerajaan, ialah mengawal dengan lebih ketat lagi perbelanjaan badan-badan berkanun. Terdapat kira-kira 75 buah badan-badan berkanun Persekutuan di mana sebanyak 55 daripadanya menerima pemberian sejumlah \$1.5 ribu juta setahun dari Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan mengurus. Di samping itu, badan-badan ini juga menerima sebanyak \$2 ribu juta setahun untuk projek-projek pembangunan. Kerajaan mahukan badan-badan berkanun ini menjadi lebih berdikari dan dapat membiayai perbelanjaan dengan sumber sendiri agar mereka tidak terlalu bergantung kepada Kerajaan. Badan-badan ini akan digalakkan untuk memajukan sumber-sumber hasil mereka sendiri seperti mengenakan bayaran-bayaran perkhidmatan untuk membiayai perbelanjaan mengurus mereka.

Kerajaan juga sedang mengambil langkah-langkah untuk menswastakan atau menutup beberapa syarikat yang terus mengalami kerugian. Sehingga kini sebanyak 71 buah syarikat tersebut telah dijual kepada sektor swasta. Kerajaan sedang menilai prestasi 60 buah lagi syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah untuk menentukan sama ada syarikat-syarikat ini patut ditutup, dibaikpulih atau diswastakan. Penutupan syarikat-syarikat ini akan mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi, pinjaman dan lain-lain bantuan. Sumber-sumber yang dijimatkan itu boleh pula digunakan untuk tujuan-tujuan lain yang lebih mendesak. Penutupan juga akan menjadikan syarikat-syarikat lebih berkeupayaan aktivitinya dan seterusnya mewujudkan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan.

Walau bagaimanapun, perhatian utama Kerajaan, ialah ke atas beberapa syarikat besar, terutama di dalam industri-industri gas, besi dan simen. Penglibatan Kerajaan di dalam syarikat-syarikat ini adalah sebanyak \$5.4 ribu juta yang terdiri dari \$1.2 ribu juta yang berbentuk ekuiti, \$0.5 ribu juta pinjaman dan \$3.7 ribu juta jaminan pinjaman. Memandangkan kepada jumlah pinjaman luar negeri yang besar yang telah dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, dan kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat ini juga memberi kesan ke atas belanjawan Kerajaan Persekutuan, serta kepada kedudukan ekonomi keseluruhannya, tangkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki daya maju kewangan mereka. Langkah-langkah tersebut termasuk pembiayaan semula pinjaman, penswastaan dan meningkatkan kecekapan pengurusan.

Satu lagi jenis perbelanjaan yang utama dalam perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan ialah khidmat bayaran hutang. Kerajaan sedang mengambil berbagai usaha untuk mengurangkan kos khidmat bayaran hutangnya, yang merupakan 28 peratus daripada perbelanjaan mengurus, dengan cara membayar lebih awal pinjaman-pinjaman luar negeri yang diperolehi pada kadar-kadar faedah yang tinggi atau membiayai semula pinjaman-pinjaman tersebut. Bagi tahun 1987 dan 1988, sejumlah \$5 ribu juta pinjaman luar negeri akan dibayar lebih awal. Sekiranya urusan bayaran awal ini berterusan hingga ke tahun 1990, Kerajaan akan dapat menjimatkan sebanyak \$528 juta bagi perbelanjaan khidmat bayaran hutang. Wang yang dijimatkan itu dapat digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

DASAR KEWANGAN

Dasar kewangan bertujuan menggalakkan pemulihan ekonomi dan mengekalkan kestabilan kewangan. Dalam keadaan yang mendesak dan tertekan yang dialami oleh sebahagian besar institusi-institusi kewangan dalam tahun 1987, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah pemulihan. Langkah-langkah tersebut telah membantu sistem kewangan menjadi lebih kukuh dan lebih mantap, dan seterusnya mempastikan kestabilan dalam sistem kewangan.

Tumpuan utama pengurusan kewangan ialah untuk mengekalkan mudahtunai yang mencukupi bagi mengembangkan kegiatan ekonomi. Mudahtunai bank telah bertambah baik dengan ketaranya. Dengan itu, kadar faedah simpanan telah turun. Seterusnya, kadar faedah pinjaman asas juga telah turun kepada paras yang paling rendah semenjak dua puluh tahun lalu. Kerajaan akan terus memastikan pinjaman dapat disediakan pada kos yang berpalutan untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang produktif. Oleh itu saya harap sektor swasta akan mengambil peluang sepenuhnya dari penurunan kadar-kadar faedah bagi meningkatkan pelaburan mereka.

PASARAN SAHAM

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pula pasaran saham di seluruh dunia telah terjejas dengan teruknya. Turun naik harga adalah perkara biasa di dalam pasaran saham. Perkembangan terakhir menunjukkan bahawa harga-harga saham di pasaran utama dunia, termasuk di Pasaran Saham Kuala Lumpur telah mula pulih. Pembetulan harga yang berlaku adalah reaksi kepada kenaikan harga yang mendadak beberapa bulan lalu. Oleh itu, kita tidak harus bimbang bahawa

keadaan di pasaran saham akan menjelaskan pemulihan ekonomi yang semakin teguh sekarang.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengalami pertumbuhan yang lembap di dalam beberapa tahun kebelakangan ini, rakyat Malaysia bolehlah mengharapkan kadar pertumbuhan dan aktiviti ekonomi yang lebih baik pada tahun hadapan.

Kemelesetan ekonomi telah meninggalkan beberapa kesan. Yang paling nyata, sama ada kita berjaya atau tidak di dalam usaha memusatkan pertumbuhan ekonomi bergantung kepada daya usaha kita sendiri.

Ekonomi negara mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih pesat lagi. Negara mempunyai asas-asas sumber asti yang kaya, sistem infrastruktur yang baik, tenaga manusia yang berpelajaran dan kemahiran yang cukup untuk memenuhi keperluan sebuah ekonomi yang moden. Kedudukan politik kita stabil. Kita juga mempunyai sebuah Kerajaan yang kukuh yang menghormati kedaulatan undang-undang. Kelebihan-kelebihan ini perlu digunakan sepenuhnya demi menjamin kesejahteraan hidup rakyat Malaysia pada masa hadapan.

Sungguhpun sumber kewangan telah berkurangan, kita masih boleh berbangga dengan keupayaan menyediakan kemudahan pelajaran bagi setiap kanak-kanak di negara ini. Setiap rakyat juga boleh mendapat kemudahan kesihatan yang secukupnya, sama ada secara percuma atau dengan bayaran yang rendah. Kumpulan yang berpendapatan rendah dan kawasan-kawasan di luar bandar terus diberi keutamaan di dalam peruntukan pembangunan.

Walaupun perbelanjaan dikawal dan penekanan diberikan kepada peranan sektor swasta, Kerajaan akan terus memainkan peranan yang penting bagi menentukan ekonomi negara sentiasa kukuh. Kepentingan rakyat akan sentiasa dipertahankan. Tetapi, penglibatan langsung Kerajaan di dalam ekonomi akan dikurangkan secara berperingkat-pehngkat. Kerajaan pada dasarnya telah memutuskan tidak lagi akan menubuhkan syarikat di dalam bidang yang boleh disertai oleh sektor swasta.

Kerajaan sedar betapa pentingnya peranan sektor swasta yang dinamik untuk memajukan ekonomi negara. Oleh itu, Kerajaan akan terus memberi segala sokongan bagi menggalakkan dayacipta dan semangat keusahawanan yang lebih tinggi.

Inilah di antara sebabnya kenapa Kerajaan meiaksanakan dasar penswastaan. Penswastaan dapat mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan Kerajaan. Ia menggalakkan pencarian dan penemuan cara-cara baru bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan persaingan bagi mendapatkan pasaran. Dalam jangkamasa panjang, prestasi yang memuaskan akan membolehkan syarikat-syarikat ini memperluaskan saiz operasinya dan seterusnya mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan.

Oleh itu Kerajaan akan meningkatkan usaha bagi melaksanakan program penswastaan. Dalam usaha ini, Kerajaan sedang mengkaji pada keseluruhananya rancangan penswastaannya dengan menyediakan satu rancangan induk. Rancangan induk ini, di antara lain akan mengenalpasti agensi-agensi dan kegiatan-kegiatan penting dan besar yang ada potensi untuk diswastakan pada masa hadapan. Dengan menswastakan kegiatan-kegiatan yang

besar dan penting sahajalah kesan positif penswastaan ke atas ekonomi negara akan lebih ketara. Untuk mencapai tahap kemajuan yang lebih besar, kita perlu berani mengambil risiko. Jika negara-negara lain telah mencapai kejayaan dengan mengambil risiko untuk menerokai bidang-bidang baru, tidak ada sebab kita tidak boleh mencapai kejayaan yang sama. Kita perlulah mengubah sikap untuk menerima dengan hati terbuka idea-idea baru.

Malangnya, ada segolongan masyarakat kita yang semakin terperangkap dengan sikap sentiasa mencari kesalahan, dan menghebohkan perkara remeh temeh. Mereka kritik dasar penswastaan. Mereka juga mengecam pengurusan ekonomi negara dan menyalahkan Kerajaan atas masalah yang dihadapi, walaupun semua negara tidak terlepas daripada kemelesetan dalam beberapa tahun ini. Sementara masyarakat negara lain sentiasa berusaha mencari jalan bagi menyelesaikan masalah, bagi mengukuhkan struktur ekonomi, kita sering diganggu oleh mereka yang bersikap negatif dan yang mengheboh-hebohkan masalah yang kecil dan sengaja mencari peluang untuk mengecam Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus memberi galakan dan sokongan sepenuhnya bagi membantu perkembangan sektor swasta yang lebih pesat. Kerajaan sedar bahawa di dalam keadaan sekarang, hanya sektor swasta yang dinamik dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi mengurangkan masalah pengangguran.

Sekiranya kita semua sedia untuk berganding bahu, bekerja dengan lebih keras, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran, masa hadapan negara adalah cerah. Kita tidak sepatutnya membenarkan perselisihan yang kecil memesongkan kita daripada

matlamat utama iaitu tnenjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur, bersatu-padu, sebuah negara yang mengamalkan nilai-nilai hidup yang terpuji.

Janganlah kita ungkit perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama dan bermain api dengan isu-isu sensitif. Kita perlu sedar sepenuhnya tentang bahawa yang kita hadapi dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa. Suatu tindakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab boleh mencetuskan ketegangan kaum dan kekacauan. Jika ketegangan tidak dikendurkan, segala yang kita bina sebelum ini akan hilang dalam sekelip mata sahaja. Keutamaan kita pada masa ini, seperti pada beberapa tahun yang lepas, ialah untuk memulihkan ekonomi negara. Jika kita dapat memperkuuhkan perpaduan dan membina keyakinan diri tentang kemampuan kita untuk terus mara bagi mencapai kejayaan yang lebih besar, Insya Allah pemulihan ekonomi akan menjadi lebih kukuh. Kita perlu membuktikan cinta dan taat setia kepada negara. Kita perlu mengorbankan kepentingan diri demi mencapai matlamat negara. Kata-kata sahaja tidak memadai. Pihak-pihak yang terlibat haruslah membuktikan keikhlasan kata-kata mereka melalui tindakan dan perbuatan. Masanya sudah tiba bagi semua pihak berhenti dari bersandiwara kerana rakyat tahu antara kesungguhan dan kepurpureaan. Oleh itu, marilah kita menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap usaha-usaha menjadikan negara tercinta ini lebih makmur, sejahtera dan bersatupadu, Insya Allah negara kita akan sentiasa di dalam perlindungan Allah subhanahu-wataala.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan di atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Isnin, 26hb Oktober, 1987, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2).

Dewan ditangguhkan sekarang bingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 26hb Oktober, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.58petang.

LAMPIRAN I

Penghapusan Cukai Keuntungan Berlebihan Syarikat

Pada masa ini syarikat-syarikat di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pendapatan (40%), cukai pembangunan (5%) dan cukai keuntungan berlebihan (3%) bagi syarikat yang memperolehi pendapatan dikenakan cukai melebihi \$2 juta. Dengan itu secara maksimanya syarikat-syarikat di Malaysia mungkin akan dikenakan cukai sebanyak 48%. Sistem percukaian syarikat di Malaysia adalah mengikut "imputation system" di mana cukai yang dibayar oleh syarikat merupakan kredit kepada pemegang saham apabila syarikat membuat pembayaran dividen. Oleh itu kadar cukai sebenar yang dikenakan ke atas syarikat adalah kurang dari 48% bergantung sama ada keuntungan yang diperolehi diagehkan atau tidak kepada pemegang-pemegang saham.

Sungguhpun begitu adalah didapati bahawa kadar cukai syarikat yang dikenakan di Malaysia dianggap tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini dan beberapa negara maju. Oleh yang demikian, sebagai langkah pertama dalam kajian semula ke atas struktur cukai syarikat dan untuk menggalakkan kegiatan ekonomi, adalah dicadangkan supaya cukai keuntungan berlebihan syarikat sebanyak 3% dihapuskan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1988.

LAMPIRAN II

Pindaan ke atas Elaun Pelaburan Semula

Elaun pelaburan semula (EPS) ini telah mula diperkenalkan di dalam Belanjawan 1979 dan berkuatkuasa

dari tahun taksiran 1980. EPS diberikan kepada syarikat-syarikat pembuatan yang sedia ada yang membuat perbelanjaan modal bagi tujuan memperluaskan dan memperkembangkan aktiviti syarikat berkenaan. Untuk mempertingkatkan perkembangan ekonomi dan menggalakan syarikat-syarikat yang ada untuk membuat pelaburan semula adalah dicadangkan supaya tempoh EPS yang akan tamat pada 31-12-1988 ini dilanjutkan sehingga 31-12-1990. Kadar EPS yang ada sekarang sebanyak 25% dinaikkan kepada 40% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan pada atau selepas 1-1-1988.

LAMPIRAN III

Skim bayaran Ansuran Cukai Pendapatan bagi Syarikat-syarikat dan Peniaga-peniaga

Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967, syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga dikehendaki membayar cukai pendapatan mereka dalam masa 30 hari setelah taksiran cukai pendapatan diterima dari Jabatan Hasil Dalam Negeri. Kebanyakan syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga tidak dapat menjelaskan cukai pendapatan mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ini telah menyebabkan bertambahnya tunggakan cukai dari tahun ke tahun.

Sebagai langkah untuk mengurangkan jumlah tunggakan cukai pendapatan dan untuk menyeragamkan cara kutipan cukai di kalangan pembayar cukai, adalah dicadangkan supaya:

- (i) skim bayaran ansuran cukai pendapatan yang sekarang diwajibkan kepada pekerja-pekerja, diperluaskan kepada syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga;

- (ii) bayaran ansuran dibuat sebelum taksiran cukai dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dan berdasarkan anggaran cukai yang dibuat oleh Jabatan atau pembayar cukai sendiri;
- (ili) bilangan ansuran dan tarikh bayaran tiap-tiap ansuran akan ditentukan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri; dan
- (iv) denda akan dikenakan sekiranya:
 - (a) didapati anggaran cukai yang dibuat oleh pembayar cukai adalah kurang dari taksiran sebenar yang dibuat oleh Jabatan dan kekurangan ini melebihi 30%. Kadar denda yang dikenakan ialah sebanyak 10% dari jumlah yang kurang dianggarkan yang melebihi 30% daripada taksiran sebenar. Denda tidak akan dikenakan sekiranya pembayar cukai menerima anggaran cukai yang dibuat oleh Ketua

- Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri; dan
- (b) pembayar cukai gagal menjelaskan ansuran cukai dalam masa 30 hari dari tarikh yang telah ditetapkan. Kadar denda yang dikenakan iaitu sebanyak 10% dari jumlah yang lewat dijelaskan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai Ihb Januari 1989.

LAMPIRAN IV

Percukaian ke atas Syarikat-syarikat Insurans Nyawa

Dalam Belanjawan 1987, sistem percukaian ke atas syarikat insurans nyawa telah dipinda di mana antara lain bayaran komisen telah tidak dibenarkan dipotong daripada pendapatan syarikat. Sistem percukaian baru ini dilaksanakan secara berperingkat iaitu bergantung kepada jumlah premium kasar yang dijangka diterima oleh syarikat insurans nyawa dalam tahun asas bagi tahun taksiran 1986, iaitu:

Premium Kasar Yang Dijangka Diterima

- (i) \$50 juta atau lebih
- (ii) \$10 juta atau lebih tetapi kurang dari \$50 juta.
- (iii) Kurang dari \$10 juta

Tarikh Kuatkuasa

- | |
|--------------------------|
| Dari tahun taksiran 1988 |
| Dari tahun taksiran 1990 |
| Dari tahun taksiran 1992 |

Sebagai langkah untuk membantu perkembangan industri insurans adalah dicadangkan supaya:

- (i) satu potongan sebanyak dua peratus dibenarkan kepada syarikat-syarikat insurans nyawa berdasarkan baki akaun hasil di akhir tempoh asas bagi

sesuatu tahun taksiran. Potongan ini diberi apabila komisen tidak dibenarkan lagi sebagai potongan dari pendapatan syarikat insurans nyawa berkenaan; dan

- (ii) jumlah maksima potongan yang dibenarkan ini tidak boleh

melebihi dari jumlah komisen yang dibayar.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1988.

LAMPIRAN V

Pindaan kepada Seksyen 4A Akta Cukai Pemindahan Syer 1984 (Syarikat Berasaskan Tanah)

Seksyen 4A Akta Cukai Pemindahan Syer 1984 (Syarikat Berasaskan Tanah) menyenaraikan kes-kes di mana pengecualian cukai pemindahan syer boleh diberi oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri iaitu:

- (i) pemindahan syer di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama;
- (ii) pemindahan syer dalam skim reorganisasi, pembentukan semula atau penyatuan selaras dengan dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian; dan
- (iii) pemindahan syer disebabkan syarikat dilikuidasikan di bawah skim reorganisasi, pembentukan semula atau penyatuan selaras dengan dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian.

Syarat-syarat di atas pertulah dipatuhi untuk melayakkan pengecualian cukai. Walau bagaimanapun ada kemungkinan syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi selepas pengecualian diberi. Oleh itu, untuk memastikan supaya pengecualian yang diberi adalah kepada kes-kes yang tulin sahaja adalah dicadangkan supaya seksyen 4A Akta dipinda untuk menyatakan bahawa kelulusan pengecualian yang telah diberi akan ditarik balik jika

dalam masa tiga tahun dari tarikh kelulusan diberikan didapati:

- (i) pemindahan atau pelupusan itu dibuat keseluruhan atau sebahagianya bagi tujuan lain daripada tujuan yang dinyatakan di dalam permohonan untuk mendapatkan kelulusan di bawah seksyen 4A (1) Akta, atau
- (ii) syer-syer itu dipindahkan kepada golongan ketiga iaitu diluar dari kumpulan, bagi kes pemindahan di antara kumpulan.

Cadangan ini berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

LAMPIRAN VI

Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah bagi Pemindahan di antara Tuan Punya bersama Harta Tanah

Pada masa ini pemindahan di antara tuan punya bersama tanah yang berbangkit daripada pecah milik adalah dianggap sebagai pelupusan mengikut perenggan 2, Jadual 2 dan perenggan 1 (3) Jadual 1, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Dengan itu ianya tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah. Pemindahan seperti ini tidak mengwujudkan keuntungan atau kerugian kerana ianya merupakan pemindahan hak milik di antara tuan punya bersama harta tanah berkenaan. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya pemindahan di antara tuan punya bersama harta tanah dikecualikan dari cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Cadangan ini berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

LAMPIRAN VII

Pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

Sebagai langkah untuk menjelaskan lagi beberapa peruntukan Akta dan untuk memperbaiki pentadbiran cukai, adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut:

Pindaan-pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967

- (i) Seksyen 2 (1) mengenai takrif "Malaysia" dipinda untuk memasuki zon ekonomi eksklusif seperti yang diperuntukkan dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984;
- (ii) Seksyen 7 (1) (b) dipinda untuk menjelaskan lagi syarat untuk mendapat taraf pemastautin bagi tujuan cukai pendapatan;
- (iii) Seksyen 45 (4) dipinda supaya pilihan taksiran secara berasingan boleh dibuat oleh seseorang isteri walaupun selepas dari tahun taksiran berkenaan;
- (iv) Seksyen 82 (5) dipinda mengenai pemakaian definisi akauntan yang dimaksudkan di bawah seksyen ini adalah dirujukkan kepada Seksyen 153 (3) Akta;
- (v) Seksyen 83 (5) dipinda supaya tempoh masa bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri menge luarkan surat pengesahan cukai pendapatan mengenai sese-

orang pekerja yang akan berhenti kerja dipanjangkan dari 30 hari kepada 90 hari; dan

- (vi) Seksyen 107 (4) dipinda untuk menjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mengutip cukai dari majikan yang gagal memberi notis kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri mengenai seseorang pekerja yang berhenti kerja.

Pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) 1967

- (i) Seksyen 2 mengenai takrif "Malaysia" dipinda untuk memasuki zon ekonomi eksklusif seperti yang diperuntukkan dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984.

Pindaan-pindaan ke atas Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 .

- (i) Seksyen 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dipinda agar definasi akauntan yang sekarang ini dirujukkan kepada perenggan 15, Jadual 5 Akta Cukai Pendapatan 1967 digantikan dengan Seksyen 153 di bawah Akta yang sama; dan
- (ii) Perenggan 12, Jadual 2 dipinda agar pilihan secara bertulis tidak perlu dibuat lagi jika sesuatu aset dilupuskan sebagai hadiah daripada dan kepada seseorang yang tersebut di bawah perenggan ini, bagi melayakkannya mendapat pengecualian cukai keuntungan harta tanah.

LAMPIRAN VIII

Cadangan untuk mengurangkan barang-barang yang dikecualikan daripada Cukai Jualan

Sistem cukai jualan di negara ini sekarang, yang diperkenalkan pada

tahun 1972 untuk menambah hasil, merupakan cukai seperingkat (single stage tax) di mana cukai dikenakan atas semua barang (melainkan yang dikecualikan) yang diimport atau yang dikilang di dalam negeri. Kadar cukai jualan ialah 10% atas semua barang kecuali minuman keras dan rokok yang dikenakan 15%. Pada masa sekarang, barang-barang yang dikecualikan dari cukai jualan adalah barang-barang makanan, mesin, bahan-bahan mentah, alat-alat dan barang-barang untuk kegunaan pertanian, bahan-bahan binaan, alat-alat sukan, barang-barang perubatan dan pelancongan, buku-buku, majalah-majalah dan sebagainya. Di samping itu pembelian oleh Jabatan-jabatan Kerajaan, diplomat dan beberapa badan atau organisasi yang diluluskan juga dikecualikan daripada cukai jualan. Adalah dianggarkan bahawa kira-kira 75% daripada jumlah barang-barang yang diimport dan dikilang telah dikecualikan daripada cukai jualan. Keadaan ini telah menyebabkan skop cukai jualan menjadi terlalu sempit dan cukai ini menjadi kurang berkesan sebagai sumber hasil.

Sebagai langkah untuk memperluaskan skop cukai jualan, adalah dicadangkan supaya cukai ini dikenakan semula ke atas beberapa jenis barang yang bukan merupakan keperluan asas untuk kehidupan seharian oleh orang ramai. Kadar cukai yang dicadangkan ialah:

- (i) 5% bagi barang-barang seperti dikepilan 1 yang meliputi barang-barang makanan, bahan-bahan binaan dan barang-barang separa siap; dan
- (ii) 10% bagi barang-barang seperti dikepilan 2.

LAMPIRAN VIII

Menghadkan bahan-bahan mentah dan komponen bebas dari cukai jualan

kepada pengilang-pengilang yang mengilangkan barang-barang bercukai

Sistem cukai jualan dalam negara pada masa sekarang adalah sistem cukai seperingkat (single stage tax) di mana cukai dikenakan ke atas semua barang (melainkan yang dikecualikan) yang diimport atau yang dikilangkan dalam negara. Secara ringkasnya konsep cukai ini sebagai cukai seperingkat bermakna bahawa cukai ini dikenakan sama ada ke atas bahan-bahan mentah dan komponen (input) ataupun atas barang-barang siap (output).

Pada masa sekarang, adalah didapati bahawa konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat tidak terpakai untuk barang-barang yang telah dikecualikan daripada cukai jualan dan barang-barang yang dikilang oleh orang-orang yang dikecualikan daripada pelesenan. Ini adalah kerana kedua-dua kategori pengilang barang-barang ini dibenarkan membeli bahan-bahan mentah dan komponen mereka bebas dari cukai jualan walaupun barang-barang yang dikeluarkan oleh mereka adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan. Ini bermakna pengilang-pengilang ini langsung tidak membayar apa-apa cukai jualan; ini tidak selaras dengan konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat.

Sebagai langkah untuk mengekalkan kedudukan cukai jualan sebagai cukai seperingkat, adalah dicadangkan supaya pengilang-pengilang yang mengeluarkan barang-barang yang dikecualikan daripada cukai jualan dan orang-orang yang dikecualikan daripada pelesenan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 tidak dibenarkan mendapat "inputs" mereka bebas dari cukai jualan.

Cadangan ini tidak akan menjaskan kedudukan persaingan pengilang-pengilang yang mengilang barang-barang untuk dieksport kerana mereka layak mendapat pulangan

balik duti atas semua cukai jualan yang telah dibayar oleh mereka atas "input" atau sebaliknya mereka boleh mendapat pengecualian cukai sebelum bahan-bahan berkenaan diperolehi.

LAMPIRAN IX

Cadangan untuk menghapuskan semua cukai atas berbagai barang yang digunakan oleh pesakit buah pinggang

Adalah dianggarkan bahawa lebih kurang 750 orang mengalami kerosakan buah pinggang dalam setahun. Semua pesakit ini kecuali mereka yang berupaya menukar buah pinggang memerlukan rawatan sama ada secara haemodialysis, IPD1, CAPD2 dan CCPD3. Terdapat

sebilangan kecil sahaja mampu mendapat rawatan dengan alat-alat yang dibelinya sendiri. Rawatan secara haemodialysis adalah mahal dan hospital-hospital Kerajaan hanya dapat merawat lebih kurang 170 orang pesakit sahaja setahun.

Memandangkan kos rawatan penyakit buah pinggang adalah tinggi dan keupayaan Kerajaan menyediakan rawatan adalah terhad, atas sifat perikemanusiaan, adalah dicadangkan supaya semua cukai ke atas alat-alat dan bahan-bahan yang digunakan khusus oleh pesakit-pesakit buah pinggang dihapuskan seperti berikut:

Kd	BIN	Alat-alat/barang	Duti Import		Cukai Jualan	
			Sekarang	Cadangan	Sekarang	Cadangan
28.54 000		Hydrogen Peroxide				
29.04 100		Surgical Spirit 70% (Methyl Alcohol) Spirit				
29.11000		Fomaldehyde 37% Formalin				
29.14 100		Acetic Acid	>	2%	Nil	10%
38.19999		Clinitest Tablets (containing Cooperoxide)				
39.01 100		Mixed Resin 2.3 kg (Ion Exchanger)				
84.18294		Artificial Kidney (dialysers)				
		A.V Bloodlines (Sterile Packing)				
		A.V.F Needles				
		30 c.c. Disposable Syringes		5%	Nil	10%
90.17319		20 c.c. Disposable Syringes				
		Aneroid Transducers				
		Infusion Drip Sets (Sterile Packing)				

12253

23 OKTOBER 1987

12254

Kod BTN	Alat-alat/barang	Duti Import		Cukdi Jualan	
		Sekarang	Cadangan	Sekarang	Cadangan
	Patient Line — One set Air Vent				
	Pump Line Submicron Filter				
	Pump Line (Sterile Packing)				
	Peritoneal Dialysis Trocar (Sterile Packing) and Cannula				
	P.D Giving Set (Sterile Packing) (Transfer Set				
	P.D Cycler System Tubing Set (Sterile Packing)	5%		Nil	10%
90.17319	Tenckhoff Catheter				Nil
	CAPP Titanium Connector				
	Locking Cap For P-D Catheter				
	Clamp For Outlet Port				
	Set Change Tray				
	Solution Transfer Set Travenol Prep Kits				

Nota:

- (1) IPD = Intermittent Peritoneal Dialysis
- (2) CAPD = Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis
- (3) CCPD = Continuous Cycling Peritoneal Dialysis

**BARANG-BARANG YANG DICADANGKAN DIKENAKAN
SEMULA CUKAI JUALAN PADA KADAR 5%**

(1) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
02.01	Meat and edible offals of the animals falling within heading No. 01.01, 01.02, 01.03, or 01.04, fresh, chilled or frozen:
100	Meat of bovine animals, with bone-in
200	Meat of bovine animals, boneless
02.05	Pig fat free of lean meat and poultry fat (not rendered or solvent-extracted), freash, chilled frozen, salted, in brine, dried or smoked:
100	Fresh, chilled or frozen
900	Other
02.06	Meat and edible meat offals (except poultry liver), salted, in brine, dried or smoked:
	Bacon, ham and other meat of domestic swine:
110	bacon
120	ham
130	salted pork
190	other pig meat
	Other:
910	beef and veal
920	beche-de-mer (trepang)
990	other
03.02	Fish, dried, salted or in brine: smoked fish, whether or not cooked before or during the smoking process:
	Fish, dried (other than cod of subheading 03.02 200), salted or in brine:
310	fishmaws
320	shark's fins
	other:
391	marine
392	freshwater
	Smoked fish:
410	salmon
490	other

(1) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
03.03	Crustaceans and molluscs, whether in shell or not, fresh (live or dead), chilled, frozen, salted, in brine or dried; crustaceans, in shell, simply boiled in water:
	Molluscs:
210	Oysters
	Other:
292	salted, in brine, dried or simply boiled
299	other
04.03	Butter:
100	Ghee
	Anhydrous butter fat:
210	for use in the manufacture of reconstituted milk
290	other
	Other:
910	in airtight containers
990	other
04.04	Cheese and curd:
100	Cheese
500	Curd
04.06	000 Natural honey
04.07	Edible products of animal origin, not elsewhere specified or included:
200	Birds' nests
900	Other
07.02	000 Vegetables (whether or not cooked), preserved by freezing
07.03	000 Vegetables provisionally preserved in brine, in sulphur water or in other preservative solutions, but not specially prepared for immediate consumption
07.04	Dried, dehydrated or evaporated vegetables, whole, cut, sliced, broken or in powder, but not further prepared:
100	Dried mushrooms
07.06	Manioc, arrowroot, salep, Jerusalem artichokes, sweet potatoes and other similar roots and tubers with high starch or inulin content, fresh or dried, whole or sliced; sago pith:
	Tapioca (manioc):
110	dried tapioca chips

(1) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
120	in the form of pellets
08.01	Dates, bananas, coconuts, Brazil nuts, cashew nuts, pineapples, avocados, mangoes, guavas and mangosteens, fresh or dried, shelled or not:
100	Bananas (including plantains)
	Coconuts:
210	fresh
220	dessicated
300	Brazil nuts
400	Cashew nuts
500	Pineapples Avocados, mangoes, guavas and mangosteens:
610	Avocados
620	Mangoes
630	Guavas
640	Mangosteens
08.02	Citrus fruits, fresh or dried: Oranges:
110	fresh
120	dried Mandarins (including tangerines and satsumas); Clementines, wilkins and other similar citrus hybrids:
211	fresh
212	dried
290	other
300	Lemons and limes
400	Grapefruit
900	Other
08.03	Figs, fresh or dried:
100	Fresh
200	Dried
08.04	Grapes, fresh or dried:
100	Fresh
200	Dried (raisins)

	(1) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
08.05		Nuts other than those falling within heading No. 08.01, fresh or dried, shelled or not:
	100	Almonds
	200	Hazelnuts
		Other:
	910	arecanuts
	990	Other
08.06		Apples, pears and quinces, fresh:
	100	Apples
	200	Pears and quinces
08.07		Stone fruit, fresh:
	100	Peaches
	200	Plums
	900	Other
08.09		Other fruit, fresh: Tropical fruit:
	110	rambutan
	120	durian
	130	langsat
	140	watermelon (tembikai)
	150	papaya
	160	jackfruit (cempedak and nangka)
	170	mata kucing (including longan)
	190	other
	900	Other
08.10	000	Fruit (whether or not cooked, preserved by freezing, not containing added sugar)
08.11		Fruit provisionally preserved (for example, by sulphur dioxide gas, in brine, in sulphur water or in other preservative solutions), but unsuitable in that state for immediate consumption:
	100	In airtight containers
	900	Other
08.12	000	Fruit, dried, other than that falling within heading No. 08.01, 08.02, 08.03, 08.04 or 08.05

(1) Kod BTN		(2) Keterangan barang-barang
08.13	000	Peel of melons and citrus fruits, fresh, frozen, dried, or provisionally preserved in brine, in sulphur water or in other preservative solutions
09.03	000	Mate
09.05	000	Vanilla
11.05	000	Flour, meal and flakes of potato
12.01		Oil seeds and oleaginous fruit, whole or broken: Ground-nuts: 110 in the shell 120 shelled 450 Linseed 550 Castor oil seeds 600 Sunflower seeds 650 Sesamum seeds (sesame seeds, gingelly seeds or tell seed) 700 Rape or colza seeds Other: 910 illipe seeds (illipe nuts) 920 pumpkin seeds 930 melon seeds 990 other
12.02		Flours or meals of oil seeds or oleaginous fruit, non-defatted (excluding mustard flour): 100 Soya bean flour 900 Other
12.03		Seeds, fruit and spores of a kind used for sowing: 100 Grass seeds 900 Other
12.04	000	Sugar beet, whole or sliced, fresh, dried or powdered; sugar cane
12.06	000	Hop cones and lupulin
12.07		Plants and parts (including seeds and fruit) of trees bushes, shrubs or other plants being goods of a kind used primarily in perfumery, in pharmacy, or for insecticidal, fungicidal or

(I)
Kod BTN(2)
Keterangan barang-barang

		similar purposes, fresh or dried, whole, cut, crushed, ground or powdered:
100		Patchouli leaves and other parts of the plant used for distillation
200		Gaharu wood chips
300		Sandlewood chips
400		Tuba (derris) roots
500		Ginseng
600		Arecanuts, not falling within heading No. 08.05
700		Rosemary, marjoram, basil, borage, mint, rue and sage
14.05		Vegetable products not elsewhere specified or included:
100		Sea-weed products
900		Other
15.01	000	Lard, other pig fat and poultry fat, rendered or solvent-extracted
15.02		Fats of bovine cattle, sheep or goats, unrendered; rendered or solvent-extracted fats (including "premier jus") obtained from those unrendered fats:
		Tallow:
110		for edible purposes
190		for other purposes
900		Other
15.03	000	Lard stearin, oleostearin and tallow stearin; lard oil, oleo-oil, and tallow oil, not emulsified or mixed or prepared in any way
15.04		Fats and oils, of fish and marine mammals, whether or not refined:
100		Fish liver oil
500		Other fish oils and fats
600		Oils and fats of marine mammals
15.06	000	Other animal oils and fats (including neat's-foot oil and fats from bones or waste)
15.07		Fixed vegetable oils, fluid or solid, crude, refined or purified:
110		Soya bean oil
120		Cotton seed oil

(1) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
----------------	---------------------------------

	Ground-nut oil:
131	for domestic use
139	for other uses
140	Olive oil
	Sunflower seed oil:
151	for domestic use
159	for other uses
160	Rape, colza and mustard seed oil
	Sesamum oil (sesame, gingelly seed oil):
229	for other uses
	Other:
231	tung oil
232	almond oil
233	illipenut oil
239	other
15.13	Margarine, imitation lard and other prepared edible fats:
	Other:
910	imitation ghee
920	imitation lard
	other:
931	of vegetable origin
932	of animal origin
933	of mixed vegetable and animal origin
16.01	Sausages and the like, of meat, meat offal or animal blood:
100	Fresh, chilled or frozen
200	In airtight containers
300	Smoked
900	Other
16.02	Other prepared or preserved meat or meat offal:
	In airtight containers:
	other:
191	pork
199	other

	(1) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
16.03	000	Meat extracts and meat juices; fish extracts
16.04		Prepared or preserved fish, including caviar and caviar substitutes:
		In airtight containers:
	120	herrings and brislings
	130	pilchards
	140	salmon
	150	sauries
	160	tuna
	190	other
		In other than airtight containers:
	210	sharks' fins
	290	other
16.05		Crustaceans and molluscs, prepared or preserved:
		In airtight containers:
	110	abalone
	120	prawns and shrimps
	130	crabs
	140	cuttlefish
	150	other
17.02		Other sugars in solid form; sugar syrups, not containing added flavouring or colouring matter; artificial honey, whether or not mixed with natural honey; caramel:
	100	Other sugars
	200	Golden syrup, artificial and blended honey and treacle
	900	Other
19.05		Prepared foods obtained by the swelling or roasting of cereals or cereal products (puffed rice, corn flakes and similar products):
	100	Of oats
	900	Other
19.07		Bread, ships' biscuits and other ordinary bakers* wares, not containing added sugar, honey, eggs, fats cheese or fruit; communion wafers, cachets of a kind suitable for

(1)
Kod BTN(2)
Keterangan barang-barang

pharmaceutical use, sealing wafers, rice paper and similar products:

- 100 Bread, ships, biscuits and other ordinary bakers wares, not containing added sugar, honey, eggs, fats, cheese or fruit
- 20.01 Vegetables and fruit, prepared or preserved by vinegar or acetic acid, with or without sugar, whether or not containing salt, spices or mustard:
 - 100 In airtight containers
 - 900 Other
- 20.02 Vegetables prepared or preserved otherwise than by vinegar or acetic acid:
 - In airtight containers:
 - 120 tomato puree, tomato paste and tomato concentrate
 - 130 mushrooms
 - 190 other
 - Other:
 - 910 tomato puree, tomato paste and tomato concentrate
 - 990 other
- 20.03 000 Fruit preserved by freezing, containing added sugar
- 20.04 000 Fruit, fruit-peel and parts of plants, preserved by sugar (drained, glace or crystallised)
- 20.05 Jams, fruit jellies, marmalades, fruit puree and fruit pastes, being cooked preparations, whether or not containing added sugar:
 - 100 Jams, fruit jellies (seedless jams), marmalades and lemon curd
- 20.06 Fruit otherwise prepared or preserved, whether or not containing added sugar or spirit:
 - Roasted nuts, including roasted ground-nuts:
 - roasted ground-nuts:
 - 111 in airtight containers
 - 119 other
 - 120 roasted nuts falling under heading Nos. 08.01 and 08.05
 - Other:
 - 910 unroasted groundnuts, prepared for immediate consumption

(1) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
920	nuts falling under heading Nos. 08.01 and 08.05 other:
991	in airtight containers
999	other
20.07	Fruit juices (including grape must) and vegetable juices, whether or not containing added sugar, but unfermented and not containing spirit: Orange juice: 120 ready for immediate consumption 130 requiring dilution before use and packed for retail sale 190 other Grape fruit juice: 220 ready for immediate consumption 230 requiring dilution before use and packed for retail sale Juices of any citrus fruit: 320 ready for immediate consumption 330 requiring dilution before use and packed for retail sale 390 other 500 Tomato juice Juice of any other fruit or vegetable: 720 ready for immediate consumption 730 requiring dilution before use and packed for retail sale 790 other Mixtures of juices: 820 ready for immediate consumption 830 requiring dilution before use and packed for retail sale 890 other 21.02 Extracts, essences or concentrates, of coffee, tea or mate and preparations with a basis of those extracts, essences or concentrates; roasted chicory and other roasted coffee substitutes and extracts, essences and concentrates thereof: Extracts, essences of concentrates of coffee, tea or mate; preparations with a basic of those extracts, essences or concentrates: 100 of coffee

	(0) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
	200	of tea or mate
21.03	000	Mustard flour and prepares mustard
21.05		Soups and broths, in liquid, solid or powder form; homogenised composite food preparations: Soups and broths in liquid, solid or powder form: other:
	191	of meat
	192	of fish, crustaceans and molluscs
	193	of vegetable (containing no product of animal origin)
	199	other
		Homogenised composite food preparations: other:
	291	of meat
	292	of fish, crustaceans and molluscs
	293	of vegetable (containing no product of animal origin)
	299	other
21.06		Natural yeasts (active or inactive); prepared baking powders:
	200	Prepared baking powders
21.07		Food preparation not elsewhere specified or included: 100 Autolysed yeast preparations 200 Non-alcoholic preparations used for making beverages 400 Table cream powders having a basis of milk 600 Preparations used for making jellies 700 Peanut butter Other: 990 other
29.23		Single or complex oxygen-function amino compounds: 200 Monosodium glutamate, other salts or derivatives and preparations thereof
32.12	000	Glaziers' putty; grafting putty; painters' fillings; non-refractory surfacing preparations; stopping, sealing and similar mastics, including resin mastics and cements

(1)
Kod BTN(2)
Keterangan barang-barang

39.07	Articles of materials of the kinds described in heading Nos. 39.01 to 39.06:
	Other
	tiles, other than rectangular:
921	roofing
44.13	Wood (including blocks, strips and friezes for parquet or wood block flooring, not assembled), planed, tongued, grooved, rebated, chamfered, V-jointed, centre V-jointed, beaded, centre-beaded or the like, but not further manufactured:
	Of coniferous species:
110	for parquet or wood block flooring
190	Other:
	Other:
	teak:
910	for parquet or wood block flooring
920	other:
	other:
930	for parquet or wood block flooring
990	other
44.23	Builders carpentry and joinery (including prefabricated and sectional buildings and assembled parquet flooring panels)
68.11	Articles of cement (including slag cement), of concrete or of artificial stone (including granulated marble agglomerated with cement), reinforced or not:
900	Other
68.12	Articles of asbestos cement, of cellulose fibre-cement or the like:
190	Other building materials
73.11	Angles, shapes and sections, of iron or steel, hot-rolled, forged, extruded, cold-formed or cold-finished; sheet piling of iron or steel, whether or not drilled, punched or made from assembled elements:
	U, I or H sections, not further worked than hot-rolled or extruded, of less than 80 mm:
110	5 mm or less in thickness
190	other

12279

23 OKTOBER 1987

12280

(1) Kod BTN (2) Keterangan barang-barang

U, I or H sections, not further worked than hot-rolled or extruded, 80 mm or more; angles, shapes and sections, not further worked than forged:

U, I or H sections, not further worked than hot-rolled or extruded, 80 mm or more:

211 5 mm or less in thickness

other:

steel H sections with thickness of flange not less than thickness of web:

212 thickness of web of 9 mm and above

213 other

219 other

83.02 Base metal fittings and mountings of a kind suitable for furniture, doors, staircases, windows, blinds, coachwork, saddlery, trunks, caskets and the like (including automatic door closers); base metal hat-racks, hat-pegs, brackets and the like:

100 Bolts, hasps and hinges

**BARANG-BARANG YANG DICADANGKAN DIKENAKAN
SEMULA CUKAI JUALAN PADA KADAR 10%**

(1) Kod BTN	(2) Keterangan barang-barang
65.01 000	Hat-forms, hat bodies and hoods of felt, neither blocked to shape nor with made brims: plateaux and manchons (including slit manchons) of felt.
65.02 000	Hat-shapes, plaited or made from plaited, or other strips of any material, neither blocked to shape or with made brims.
67.03 000	Human hair, dressed, thinned, bleached or otherwise worked: wool, other animal hair and other textile materials prepared for use in making wigs and the like.
89.01	Ships, boats and other vessels not falling within any of the following headings of this chapter: Yachts and other vessels for pleasure or sports: 210 more than 255 gross tonne 220 more than 26 gross tonne but not more than 255 gross tonne.
94.02	Medical, dental, surgical or veterinary furniture (for example, operating tables, hospital beds, with mechanical fittings); dentists and similar chairs with mechanical elevating, rotating or reclining movements: rotating or reclining movements: parts of the foregoing articles: Chairs with mechanical elevating, rotating or reclining movements (other than those falling within 94.02 100): 210 barbers' chairs 290 other Parts: 910 for subheading 94.02 210) 990 for subheading 94.02 290)